

KENYATAAN TAWARAN SEBUTHARGA
JABATAN PERTANIAN
NEGERI KEDAH DARUL AMAN



No. Sebutharga : PPN.KDH (N) : 2 / 2021

TAJUK KERJA : SEBUTHARGA KERJA-KERJA PENGAPURAN TANAH SAWAH DI PROJEK PADI KG MANGGOL, DAERAH KUBANG PASU, KEDAH DARUL AMAN.

Syarat-syarat Khas Sebutharga :-

1. Pelawaan adalah dibuka kepada Pembekal yang berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB)** dalam **Gred G1 (Daerah Kubang Pasu)** dibawah Kategori **CE 21 Atau CE 36 dan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK)** dengan **sijil Taraf Bumiputra** .
2. Pembekal yang berminat untuk menyertai Tawaran Sebutharga ini **diwajibkan** untuk mendaftarkan Nama dan Maklumat syarikat **dan menyertakan salinan** Sijil Pendaftaran Asal dan Perakuan Pendaftaran Asal yang dikeluarkan oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) serta Sijil Taraf Bumiputra oleh PKK di lokasi berikut:

**PEJABAT PERTANIAN DAERAH KUBANG PASU
06000 JITRA
KEDAH,DARUL AMAN
NO. TEL: 04-9171285**

- pada waktu pejabat mulai **3 Januari 2021**. Dokumen sebutharga hanya akan dikeluarkan kepada kontraktor yang ditauliahkan atau wakil-wakil kontraktor yang membawa surat wakil kuasa dari pegawai yang ditauliahkan seperti dalam sijil Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan pada hari lawatan tapak. Kontraktor atau wakil kontraktor hendaklah membawa **Sijil Pendaftaran Asal dan Perakuan Pendaftaran Asal** yang dikeluarkan oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) serta **Sijil Taraf Bumiputra oleh PKK**. **Dokumen sebutharga boleh dibeli dengan harga RM 10.00 (Ringgit Sepuluh Sahaja)**. **Bayaran ini tidak akan dikembalikan. Bayaran hendaklah dibuat dalam bentuk tunai.**
3. **Lawatan ketapak pembinaan adalah di WAJIBKAN** . Surat jemputan menyertai tawaran sebutharga akan dikeluarkan secara individu kepada kontraktor yang telah mendaftar pada tarikh yang tersebut diatas sahaja yang akan dibenarkan mengambil dokumen sebutharga dan hanya kontraktor yang menghadiri lawatan tapak sahaja akan dibenarkan mengambil dokumen sebutharga.
 4. **Tarikh lawatan tapak ialah pada 12 Januari 2021 (Selasa)**. Kontraktor yang berminat boleh berhimpun di **Pejabat Pertanian Daerah Kubang Pasu , Kedah** pada tarikh tersebut pada jam **10.00pg**. Sila memakai pelitup muka bagi mencegah penularan dan memutuskan rantaian jangkitan **COVID-19** serta mematuhi SOP ditetapkan kerajaan dan amalkan norma baharu. Kontraktor/wakil yang mempunyai gejala atau tidak mematuhi SOP tidak akan dibenarkan menghadiri lawatan tapak ini.
 5. Pihak Jabatan ini tidak semestinya menerima tawaran yang paling murah dan keputusan **Jawatankuasa Sebutharga** adalah muktamad.

No. Sebutharga : PPN.KDH (N) : 2 / 2021


**TAJUK KERJA : SEBUTHARGA KERJA-KERJA PENGAPURAN TANAH SAWAH
DI PROJEK PADI KG MANGGOL, DAERAH KUBANG PASU, KEDAH DARUL
AMAN.**

6. Sebutharga ini akan **ditutup** pada **19 Januari 2021 (Selasa)**. Semua dokumen sebutharga hendaklah dimasukkan ke dalam satu sampul surat serta bertulis bilangan **No. Sebutharga** dan hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Sebutharga di Pejabat Pertanian Daerah Kubang Pasu** , tidak lewat dari jam **12.00** tengahari pada hari tersebut.
7. Sekiranya ada sebarang masalah, kontraktor dipohon untuk berhubung terus dengan **Seksyen Perolehan Ibupejabat Pertanian Telok Chengai** di **No. Telefon 04-7775000** . Pegawai yang boleh dihubungi ialah **En Ruzli bin Mustafa**

s.k.

Tuan Pengarah Pertanian Negeri.

Di Iklankan pada 3 Januari 2021



NOR HAFIZAH BINTI ABD. RAHMAN, BCK.
Timbalan Pengarah Pertanian Negeri (Pengembangan)
Jabatan Pertanian Negeri
Kedah Darul Aman.